

Miliki bahagian hidupan liar dilindungi, pengusaha gerai kraf dikenakan bon

MIRI: Seorang pengusaha gerai kraf tangan dikenakan bon berkelakuan baik setahun dengan jaminan RM7,000 berserta seorang penjamin tempatan semalam atas kesalahan memiliki bahagian hidupan liar yang dilindungi.

Hukuman itu dijatuhkan

Hakim Azreena Aziz setelah meneliti pelbagai aspek termasuk pengakuan salah serta rayuan tertuduh dan tertuduh pernah membayar kompaun bagi kesalahan berkaitan hidupan liar yang lain, pendapatannya serta mengambilkira bahawa ini adalah kesalahan perta-

manya.

Justina Laeng, 53, telah didakwa di bawah Seksyen 29 (1) (c) Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun dan denda maksimum RM25,000 bagi setiap bahagian haiwan yang ditemui

bersamanya, jika disabitkan kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati ada memiliki bahagian hidupan liar terlindung iaitu 12 helai bulu burung kuang raya atau nama saintifiknya *Argusianus Argus* yang tergolong dalam keluarga

Phasianidae.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 11 pagi, 20 April 2022 di sebuah gerai kraftangan di Pusat Khazanah Kraftangan Borneo, Jalan High Street di sini.

Di hadapan mahkamah, Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Sarawak Zubaidah

Sharkawi yang mewakili tertuduh merayu hukuman ringan memandangkan bahagian hidupan liar itu bukan merupakan hasil buruan, kutipan atau tangkapan oleh tertuduh sendiri.

Sebaliknya, diperolehi daripada suku kaum Penan yang mendapatkan kema-

hiran krafnya untuk menghasilkan pakaian adat untuk generasi akan datang.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Ronald Felix Hardin bersama pegawai pendakwa Peter Buga daripada Sarawak Forestry Corporation (SFC).